

28 JUL 2002

Abdullah-Bantuan

K'JAAN TIDAK BERHASRAT KAWAL PEMBERIAN DERMA ORANG RAMAI

PUTRAJAYA, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak bercadang mengawal selia pemberian derma oleh orang ramai kepada golongan yang memerlukan bantuan termasuk untuk menjalani rawatan perubatan.

Timbalan Perdana Menteri berkata terpulang kepada seseorang itu untuk menghulurkan bantuan kepada mana-mana pihak yang difikirkannya berhak.

"Pasal orang nak sedekah, nak bantu ini, tak perlu kita adakan mekanisme (tertentu). Siapa rasa nak bantu sesiapa terserahlah kepada dia. Kita tak perlu kawal selia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri di Taman Wetland Putrajaya di sini, hari ini.

Isu pemberian derma itu timbul kerana ada pihak mempersoalkan kenapa orang ramai dan pihak korporat cepat membantu seorang personaliti yang dikatakan menghidap penyakit lumpuh menjalani rawatan di luar negara sedangkan banyak lagi kes pesakit yang memerlukan bantuan orang ramai tidak mendapat perhatian.

Abdullah berkata: "Kita harap kes-kes yang memerlukan pembelaan dan prihatin daripada kita itu, kita cubalah sebaik-baiknya memberi perhatian."

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata apa yang penting ialah rakyat Malaysia meneruskan sikap mereka yang suka membantu anggota masyarakat yang memerlukan pertolongan.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata tidak semestinya mereka yang memberikan sumbangan itu berbuat demikian kerana mempunyai kepentingan tertentu.

"Orang nak bagi, jangan kita nak persoalkan. Begitu juga kalau orang nak melawat orang sakit, kita tak perlu ungkit," katanya.

Ditanya adakah perlu sebuah yayasan khas ditubuhkan supaya mereka yang memerlukan bantuan tidak perlu menagih simpati orang ramai, beliau berkata sudah banyak tabung diwujudkan bagi membantu golongan berkenaan selain bantuan daripada kerajaan sendiri.

Menurutnya, jika hanya satu tabung khas diadakan untuk tujuan menolong mereka yang memerlukan bantuan, ia tidak akan membantu semua orang.

"Dan kalau kita buat begitu, semua orang akan pergi ke tabung itu saja. Banyak pihak yang ingin membantu. Saya percaya cara yang ada sekarang ini, itulah yang sebaik-baiknya," katanya.

Ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas bahawa beliau (Abdullah) mungkin mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang, Abdullah berkata: "Perdana Menteri sebut (perkara itu) sebagai satu perkara yang mungkin. Bagi saya kalau tiba masanya saya yang kena mengetuai jentera BN pada pilihan raya akan datang, maka saya tentulah kena laksanakan tanggungjawab itu."

Kepada satu soalan, Abdullah berkata beliau berpegang kuat kepada prinsip taat kepada ketua seperti "seorang anggota tentera perlu taat kepada jeneral".

Mengulas kebimbangan Dr Mahathir berhubung masalah pengasingan kaum di kalangan generasi muda yang semakin serius, beliau berkata perkara itu berlaku antara lain kerana wujudnya pandangan ekstrim pihak-pihak tertentu yang mahu melihat kaum-kaum di negara ini tidak bersatu padu.

Katanya walaupun Umno adalah sebuah parti yang dianggotai orang Melayu, sejarah menunjukkan perjuangannya selama ini tidak membawa kepada pemikiran bangsa Melayu menjadi sempit dan ekstrim.

"Tapi didapati parti lain khususnya pembangkang lebih suka mendapatkan sokongan menggunakan pendekatan yang ekstrim untuk menimbulkan kemarahan dan perasaan tidak senang hati," katanya.

-- BERNAMA

MAM MSL MAI